



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA PELAKSANA PERPADUAN NEGARA MELIBATKAN EXCO KERAJAAN DARIPADA SEMUA NEGERI

Putrajaya, 14 Mei 2020 - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengadakan **mesyuarat pertama bagi Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara** pada hari ini. Mesyuarat yang buat julung kalinya diadakan ini telah dijalankan secara atas talian dan dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique.

2. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara ini menjadi platform perbincangan antara KPN dan Kerajaan Negeri mengenai isu perpaduan, dasar dan program yang dirancang oleh pihak KPN untuk pelaksanaan di peringkat negeri dan daerah, sejajar dengan objektif penubuhan semula KPN pada 10 Mac 2020 di bawah Kerajaan Perikatan Nasional. Susulan daripada mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara ini, ahli-ahli YB EXCO Kerajaan Negeri akan mempengerusikan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri di negeri masing-masing bagi memastikan agenda perpaduan di peringkat akar umbi akan terus dilaksanakan dan seterusnya mengukuhkan agenda perpaduan nasional. Mesyuarat ini akan diurusetikan oleh Pengarah Perpaduan Negeri masing-masing.



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

3. Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara dijadualkan bersidang setiap dua (2) bulan sekali dan fokus mesyuarat pada hari ini adalah untuk mendapatkan maklum balas ahli-ahli YB EXCO Kerajaan Negeri mengenai struktur keahlian dan terma rujukan Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara dan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri di samping berkongsi beberapa program dan inisiatif baharu yang sedang disusun pihak Kementerian berkaitan perpaduan yang juga perlu digerakkan di peringkat negeri-negeri.

Kementerian Perpaduan Negara

14 Mei 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8241

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (1)